



TAKLIMAT ANUGERAH KHAS YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI: REKA BENTUK KURIKULUM DAN PENYAMPAIAN INOVATIF (AKRI) TAHUN 2025

KATEGORI KURIKULUM PROGRAM PENGAJIAN INOVATIF

DEFINISI

Kurikulum inovatif merupakan program akademik yang memberikan penekanan terhadap reka bentuk kurikulum yang berasaskan hasil pembelajaran pelajar.

Ini merangkumi pedagogi yang inovatif, pentaksiran alternatif dan persekitaran pembelajaran kondusif dan interaktif.

Kurikulum ini memberikan inspirasi kepada pelajar menjadi lebih kreatif, kritis dan analitik bagi mencapai hasil pembelajaran yang responsif kepada perubahan serta keperluan negara dan global.

OBJEKTIF ANUGERAH

Anugerah kategori ini bertujuan mengiktiraf program akademik pendidikan tinggi (di semua peringkat pengajian) yang menekankan reka bentuk kurikulum secara inovatif dan kreatif sehingga berjaya melahirkan graduan yang berdaya saing dan tersedia pada masa hadapan
(competitive and future-ready graduants).

SYARAT PERMOHONAN

1. Terbuka kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi tahap Program pengajian Sijil, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran yang menawarkan program secara Mod Kerja Kursus atau Mod Campuran atau Mod Industri.
2. Hanya program pengajian yang **telah** mendapat akreditasi penuh dan telah menghasilkan graduan layak memohon.
3. Permohonan adalah terhad kepada **satu (1)** program sahaja bagi setiap IPT.

KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berasaskan aspek-aspek berikut:

2

Pendekatan (30%)

3

Keterlibatan (20%)

1

Rasional (10%)



4

Impak / Keberkesanan (40%)

KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berasaskan aspek-aspek berikut:

1

Rasional (10%)



Apakah rasional pembangunan kurikulum program akademik ini?



Sejauh manakah falsafah dalam penggubalan kurikulum disokong oleh aspek pedagogi yang inovatif, pentaksiran alternatif dan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan interaktif?



Sejauh manakah penambahbaikan berterusan dalam kurikulum memberi nilai tambah dan inspirasi kepada pelajar agar menjadi lebih kreatif, kritis dan analitik?



Bagaimanakah kurikulum yang dibangunkan telah berjaya melahirkan graduan yang berdaya saing dan tersedia pada masa hadapan (*competitive and future-ready graduants*)?



Bagaimanakah reka bentuk kurikulum dapat menerapkan hasil pembelajaran program yang menepati perubahan semasa dan masa hadapan serta memenuhi keperluan pemegang taruh (contoh: institusi, industri, komuniti, keperluan dalam negara dan/atau antarabangsa)?

KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berasaskan aspek-aspek berikut:

2

Pendekatan (30%)



Bagaimanakah penjajaran konstruktif diterapkan dalam aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) program?



Bagaimanakah strategi inovatif (dalam kurikulum, penyampaian dan pentaksiran) diterapkan dalam aktiviti PdP program?



Bagaimanakah pelaksanaan kurikulum mengambil kira penyampaian (kandungan dan/atau kaedah penyampaian) dalam PdP yang inovatif?



Bagaimanakah pelaksanaan kurikulum mengambil kira pentaksiran alternatif dalam PdP yang menyokong hasil pembelajaran program?



KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berasaskan aspek-aspek berikut:

3

Keterlibatan (20%)



Bagaimanakah sumber pendidikan (tenaga pengajar yang terlatih, fasiliti: infrastruktur dan infostruktur, ruang pembelajaran) serta dasar dan inisiatif institusi menyokong penyampaian kurikulum yang lebih efisien bagi melahirkan pelajar yang lebih inovatif?



Bagaimanakah pemegang taruh (pengurusan IPT, industri, komuniti, penaja, pelajar, alumni dan lain-lain) terlibat dalam mereka bentuk kurikulum, membuat semakan semula, dan menilai pelaksanaan serta pentaksiran dalam PdP?



KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berasaskan aspek-aspek berikut:

4

Impak / Keberkesanan (40%)



Berapakah bilangan permohonan dan kemasukan pelajar bagi program ini?



Bagaimanakah kurikulum program ini berupaya menampilkan kemenjadian graduan?



Sejauh manakah kurikulum program ini memberi impak kepada kualiti pembelajaran pelajar?



Berapakah peratusan pencapaian kebolehpasaran graduan dalam program ini?



Bagaimanakah program ini berjaya menghasilkan graduan yang mampu mencipta pekerjaan **atau** syarikat pemula (*start-up*) dalam bidang **dan/atau** memenuhi keperluan Guna Tenaga Negara?



NILAI ANUGERAH

Nilai Anugerah Kurikulum Program Pengajian Inovatif adalah seperti di bawah:



Tempat Pertama – Hadiah Wang Tunai Bernilai RM10,000

Tempat Kedua – Hadiah Wang Tunai Bernilai RM5,000

Tempat Ketiga – Hadiah Wang Tunai Bernilai RM3,000

Berserta sebuah piala dan sijil penghargaan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi.



SENARAI SEMAK

Bil	Perkara/Dokumen
1	Maklumat Institusi
2	Maklumat Program Akademik
3	Sinopsis Program Akademik
4	Rasional Program Akademik Sertakan pautan (jika ada)
5	Pendekatan Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Lampiran D1, D3 dan D4 dalam format Microsoft Excel disertakan. Sertakan pautan (jika ada)
6	Keterlibatan Sertakan pautan (jika ada)
7	Impak/Keberkesanan Lampiran F1 dan F5 dalam format Microsoft Excel disertakan. Sertakan pautan (jika ada).
8	Tandatangan pemohon dan pengesahan Naib Canselor/setaraf* atau Timbalan Naib Canselor/setaraf**
9	Pemohon mengisi “Borang Maklumat Penyertaan AKRI 2025” di pautan https://spaka.mohe.gov.my
10.	Dokumen sokongan dan pembuktian dalam bentuk e-book

BORANG PERMOHONAN

Permohonan mestilah dibuat oleh institusi bagi sesebuah program pengajian yang dikenal pasti



[Borang Permohonan Kategori Kurikulum Program Pengajian Inovatif](#)



[Lampiran D3, Lampiran D4 _ Lampiran F5](#)

Permohonan hendaklah menggunakan borang rasmi yang terkini yang boleh dimuat turun dari laman sesawang :



<https://jpt.mohe.gov.my/akri/>



SESI Q&A



*Sekian,
Terima Kasih*

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya